

DATE: 10/05/1983

10/5/83

Jepun akan beli minyak mentah Malaysia bila harganya diturunkan

KUALA LUMPUR 9 Mei - Jepun akan hanya memulakan pembelian minyak mentah Malaysia apabila harga bahan itu diturunkan kepada paras antarabangsa.

Perdana Menteri Jepun, Encik Yasuhiro Nakasone yang berkata demikian hari ini menambah, halangan yang dihadapi oleh sektor swasta daripada membeli minyak mentah Malaysia hanyalah mengenai harganya.

"Selagi minyak mentah negara ini tidak diturunkan kepada paras antarabangsa adalah tidak mungkin sektor swasta Jepun memulakan pembelannya," tegas beliau dalam satu sidang akhbar di sini.

Mengenai import gas cecair asli (LNG) Malaysia ke Jepun, Encik Nakasone menjelaskan bahawa import sebanyak 1.5 juta tan dan bernilai \$500 juta itu adalah menguntungkan negara ini.

Perdana Menteri Jepun itu menyatakan bahawa negaranya melalui Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun akan membantu Malaysia dalam pembinaan landasan keretapi menyeberangi Semenanjung Malaysia dengan menjalankan kajian projek itu tanpa mengenakan bayaran.

Katanya, beliau mensifatkan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin yang penting dan berpuas hati dengan perbincangan antara keduanya serta akan meneruskan hubungan pada masa akan datang melalui telefon.

Encik Nakasone sedang berada di negara ini untuk lawatan rasmi selama tiga hari. Malaysia adalah negara yang terakhir bagi lawatannya ke ASEAN dan beliau akan berlepas ke Bandar Seri Begawan esok.

Menurutnya, perpindahan teknologi antara Jepun dan ASEAN dapat dilakukan secara konkrit dengan pertambahan para pelatih ASEAN di Jepun yang sekarang telah melebihi 200 orang dalam masa enam bulan.

Katanya, dengan keadaan ekonomi dunia yang ada sekarang, beliau melalui lawatan sekarang merasakan secara peribadi bahawa Jepun dan ASEAN adalah terikat secara persahabatan dan muhibah untuk masa akan datang.

"Saya secara peribadi mendapati bahawa ASEAN telah dikurniakan dengan pemimpin-pemimpin yang terkemuka serta rakyat yang benar-benar mahu membangun negara dan nasib mereka," tegas beliau.

Beliau juga mendapati bahawa ASEAN benar-benar mahukan kerjasama teknologi Jepun di samping kerjasama di lain-lain bidang seperti kebudayaan.

Encik Nakasone yang menyatakan bahawa Malaysia telah bersetuju untuk menyertai mesyuarat Menteri-Menteri Sains dan Teknologi di Jepun menjelaskan bahawa mesyuarat tersebut akan membincangkan berbagai bidang termasuk mengenai sains hayat, mikro-biologi, pertanian dan penyelidikan nuklear.

Mesyuarat itu juga akan menyentuh mengenai menggantikan atau menyesuaikan teknologi lama dengan teknologi baru iaitu bahan-bahan seperti komputer.

Mengenai perlumbaan senjata nuklear antara Amerika Syarikat dan Soviet Union, Encik Nakasone menegaskan bahawa negaranya menyokong cadangan 'zero-option' Amerika Syarikat dan sebarang tolak ansur dalam perbincangan mengenai perkara tersebut hendaklah tidak menjejaskan keselamatan Asia.

Mengenai Demokratik Kampuchea, Perdana Menteri Jepun itu menegaskan bahawa negaranya tidak akan memberikan bantuan ketenteraan kepada sebarang kumpulan tetapi pengiktirafan kerajaan itu telah dilakukan dengan lantikan Duta Jepun di Peking sebagai kuasasusaha Demokratik Kampuchea.